

2023/2024

# **PESAKIT PIAWAI**

Unit Pesakit Piawai  
Jabatan Pendidikan Perubatan  
Fakulti Perubatan, UiTM

## SIAPAKAH PESAKIT PIAWAI?

Pesakit piawai atau lebih dikenali sebagai Standardized Patient (SP) terbahagi kepada 2 kategori iaitu pesakit simulasi dan pesakit sebenar. Pesakit simulasi adalah individu sihat yang telah dilatih untuk membawa watak sebagai seorang pesakit yang sebenar. Beliau akan membawa sesuatu watak yang khusus dan konsisten dalam setiap senario yang dilakurkan. Dalam pada itu, terdapat pesakit sebenar yang menjadi pesakit piawai namun mereka juga akan diberi latihan bagi memastikan penyampaian penyakit mereka adalah konsisten.

Pesakit piawai ini adalah penting dalam konteks pembelajaran dan peperiksaan pelajar perubatan dan sains kesihatan.

Dengan menyertai program pesakit piawai ini, anda berpeluang untuk sama-sama membantu menyumbang tenaga dalam pengajaran dan meningkatkan kualiti pendidikan perubatan di Fakulti Perubatan, Universiti Teknologi MARA. Kerjaya ini bukan sahaja memberi anda pengalaman lakonan malah anda akan mendapat ganjaran mengikut kadar waktu simulasi yang anda lakukan. Kerjaya ini mungkin akan memerlukan anda untuk melakurkan sesuatu watak berulang kali untuk beberapa kumpulan pelajar. Latihan oleh pelatih diiktiraf akan diberikan sebelum sesi simulasi dilakukan sekiranya diperlukan.

Penggunaan pesakit piawai ini telah berleluasa di kebanyakan fakulti perubatan di seluruh dunia. Ia memberi banyak kelebihan kepada para pelajar termasuk memberi peluang kepada mereka untuk mempelajari kemahiran komunikasi dan interpersonal yang berkesan untuk berinteraksi dengan pesakit yang sebenar apabila mereka bertugas sebagai seorang doktor kelak.

## PESAKIT PIAWAI SEBAGAI SUBJEK PEMBELAJARAN DAN PEPERIKSAAN

Secara amnya, pesakit piawai digunakan sebagai subjek dalam pembelajaran dan peperiksaan pelajar-pelajar perubatan. Berikut merupakan contoh penglibatan pesakit piawai sebagai subjek:

1. Subjek untuk pengambilan sejarah pesakit
2. Subjek untuk pemeriksaan fizikal
3. Subjek untuk latihan pengurusan dan kaunselling
4. Subjek untuk latihan komunikasi
5. Subjek untuk latihan profesionalisme
6. Subjek bagi modul *Ethics*
7. Subjek untuk latihan teknik *Breaking bad news*

## KRITERIA PEMILIHAN PESAKIT PIAWAI

Pemilihan Pesakit Piawai adalah berdasarkan kombinasi kriteria-kriteria berikut:

1. Spesifikasi demografi: senario, umur, jantina, etnik dan ciri fizikal.
2. Keperluan kes (senario yang akan dilakukan, tahap kesukaran, asas tentang senario).
3. Watak dan tahap pengalaman senario yang akan dilakukan.
4. Tahap pengalaman dan kualiti dalam memberi maklumbalas.
5. Pengalaman yang lepas/pernah membawa senario yang dinyatakan.
6. Tahap persembahan dan kebolehan untuk mengekalkan lakonan dalam senario/maklumbalas.
7. Perkembangan dalam lakonan/kemahiran yang diperolehi.
8. Kebolehan berkomunikasi yang baik atau bertutur lebih dari satu bahasa adalah satu kelebihan dan amat dialu-alukan.

## PERATURAN YANG PERLU DIPATUHI SEBAGAI PESAKIT PIAWAI

1. Anda perlu **menghadiri sesi latihan simulasi** yang ditetapkan.
2. Anda perlu menandatangani surat **Aku Janji** untuk menyimpan rahsia dan **persetujuan** untuk berkhidmat sebaga pesakit piawai.
3. Anda perlu **menepati masa** dan **hadir 30 minit awal** sebelum sesi bermula. Kehadiran lewat akan menyebabkan kadar bayaran dikurangkan.
4. Anda hendaklah berpakaian sopan, kemas dan bersesuaian dengan sesi.
5. Anda mestilah **mematikan telefon bimbit** dan lain-lain peralatan elektronik semasa sesi simulasi berlangsung.
6. Anda mestilah memastikan segala barangan peribadi disimpan selamat kerana sebarang kehilangan adalah di bawah **tanggungjawab sendiri**.
7. Anda mestilah sentiasa **bersedia untuk dirakam** semasa sesi berlangsung (sekiranya untuk tujuan pembelajaran)
8. Anda hendaklah tidak bersikap **judgemental** terhadap pelajar berdasarkan jantina, kaum, agama dan rupa fizikal mereka.
9. Anda mestilah boleh memberikan maklumbalas kepada pelajar secara profesional dari perspektif pesakit (Jika perlu).
10. Anda mestilah sentiasa bersedia untuk menerima kritikan/teguran dari pelajar/pensyarah dan melakukan penambahbaikan yang sewajarnya.
11. Pesakit Piawai yang mempunyai masalah disiplin akan dikeluarkan serta merta.
12. Anda **tidak dibenarkan** untuk melakukan sebarang aktiviti jual beli dengan pelajar atau pensyarah semasa sesi dijalankan.

## KRITERIA PENCAPAIAN KERJAYA PESAKIT PIAWAI

Kategori Pesakit Piawai	Kriteria Pencapaian Kerjaya Pesakit Piawai
Basic	Pendaftaran dan surat aku-janji
Intermediate	Logbook-5 kali penyertaan lakonan minima Maklumbalas memuaskan dari pensyarah Berdisiplin tinggi Menghadiri bengkel asas SP Casting (Kelab SP)
Advance	Logbook-5 kali penyertaan lakonan sederhana Maklumbalas yang baik dari pensyarah Berdisiplin tinggi Menghadiri bengkel lakonan lanjutan SP Casting (Kelab SP)
Perseptor/Mentor	Logbook-5 kali penyertaan lakonan sederhana Maklumbalas yang cemerlang dari pensyarah Berdisiplin tinggi Latihan/kursus/bengkel lakonan tambahan Dilantik oleh Unit Pesakit Piawai/Jab. Pendidikan Perubatan


 KERJAYA PESAKIT PIAWAI

## LATIHAN PESAKIT PIAWAI

Bagi pembelajaran/peperiksaan yang memerlukan anda untuk **membawakan watak dan penyampaian penyakit secara konsisten**, terdapat **sesi latihan** bersama pelatih yang diiktiraf akan dijadualkan untuk anda sebelum sesi berlangsung. Kebiasaannya, sesi latihan adalah **selama 2 jam** dan kehadiran anda ke sesi latihan adalah **tidak berbayar**.

**Apakah tujuan latihan dilakukan?** Latihan ini bertujuan untuk membuat semakan bersama skrip dan senario yang bakal dilakonan, melakukan *role-play* di bawah pemerhatian pelatih dan sekaligus memupuk keyakinan diri dan keselasaan anda memainkan watak tersebut. Sekiranya anda merasa ragu-ragu atau mempunyai persoalan berkenaan watak anda, anda boleh terus bertanya kepada pelatih yang terlibat.

### Apakah yang perlu saya lakukan sebelum sesi latihan?

- Anda digalakkan untuk membaca senario/skrip yang diberikan.
- Anda digalakkan untuk membuat senarai tentang sebarang persoalan yang ada untuk ditanya kepada pelatih semasa hari latihan.
- Anda mestilah terlebih dahulu membiasakan diri dengan *chief complaint, opening statement, case details, scripted responses*

### Mengapakah persediaan awal ini penting?

Bagi membuahkan pengalaman latihan yang lebih proaktif dan lancar.

### Apakah fokus utama latihan yang diberikan?

- Permainan watak yang diberikan.
- Teknik memberi maklumbalas kepada pelajar.



### **Apakah peraturan yang perlu dipatuhi semasa sesi latihan?**

- Anda hendaklah hadir ke sesi latihan lebih awal atau tepat pada waktunya.
- Membawa satu salinan skrip/senario (Jika tiada, perlu memaklumkan kepada staf untuk memberikan salinan kepada anda sebelum latihan bermula)
- Adalah ditegaskan bahawa kegagalan untuk hadir ke sesi latihan akan menyebabkan penglibatan anda sebagai pesakit piawai terbatal.